

## **BAB 3**

### **METHODOLOGI**

#### **3.1 Kaedah penyelidikan.**

Kajian ini menggunakan 'The Mooney's Problem Checklist' (MPCL) yang telah diubahsuai di beberapa bahagian bersesuaian dengan konteks persekitaran pelajar-pelajar di Malaysia. Kaedah ini telah dicipta oleh Mooney (1942) untuk mengenalpasti beberapa jenis masalah , terutamanya pelajar remaja. Kajian Mooney yang terawal menggunakan Kaedah 'Mooney's Problem Checklist' dibuat pada tahun 1942 ke atas 1,028 orang pelajar sekolah tinggi. Dapatan kajian beliau menunjukkan terdapat lebih kurang 27 jenis masalah yang sering dihadapi oleh pelajar-pelajar remaja.

Penggunaan MPCL adalah bersesuaian untuk mengenalpasti jenis-jenis masalah yang dihadapi. Kebanyakan penyelidik-penyalidik yang cuba mengenalpasti jenis masalah telah menggunakan kaedah ini untuk kajian mereka. Di antara dari luar negeri ialah Smith (1961) yang membuat kajian tentang masalah pelajar-pelajar kulit hitam di sekolah tinggi di dalam dan di luar bandar, dan Cole (1970) yang membuat kajian tentang masalah pelajar sekolah tinggi di Amerika Syarikat . Dari dalam negeri pula, di antara penyelidik yang menggunakan MPCL ialah Chiam (1976), Rohana (1976), Langgulung (1977) dan Musa (1977). Bagi kajian dalam negeri ini, MPCL telah diubah suai oleh penyelidik yang tertentu untuk menyesuaikan kajian ini mengikut keadaan di Malaysia.

## **.2 Instrumen Kajian**

Penyelidik telah memilih untuk menggunakan satu set soal-selidik sebagai alat pengukur kajian ini.(Lampiran B). Kaedah soal-selidik ini adalah lebih mudah untuk diterima oleh responden kerana ia hanya tidak mengambil masa yang lama untuk disiapkan dan disamping itu item-itemnya adalah lebih konsisten. Responden juga tidak terasa dibebankan oleh satu tugas yang berat atau terasa menyusahkan mereka.

Soal-selidik yang telah diubahsuai mengikut 'Mooney's Problem Checklist' ini terbahagi kepada 3 bahagian yang mengandungi 35 soalan kesemuanya. Bahagian pertama bermula dari soalan 1 hingga 10, adalah memfokus kepada masalah akademik iaitu meliputi aspek pemilihan kursus, kerjaya masa depan , pengurusan bilik darjah, guru serta buku-buku teks. Bahagian kedua pula bermula dari soalan 11 hingga 20 memberi tumpuan kepada masalah peribadi yang di antaranya ialah kewangan, agama , kaum dan psikologi diri. Bahagian ketiga iaitu dari soalan 21 hingga 35 melihat kepada permasalahan sosial pelajar, di antaranya adalah, aspek keluarga, pergaulan intrapersonal dan rakan sebaya. Soal selidik ini mengambil masa lebih kurang 10 hingga 15 minit untuk dilengkapi.

## **3.2 Persampelan**

Di dalam kajian ini, sampel yang diperolehi berjumlah 30 orang pelajar tahun satu yang mengambil kursus profesional LCCI. Daripada jumlah ini, 22 orang daripadanya adalah perempuan dan 8 orang pelajar lelaki. Sampel kajian ini adalah berumur di antara 17 hingga 18 tahun.

### **3.3 Prosedur Pengumpulan Data**

Proses pengumpulan data bagi menjalankan kajian ini adalah melalui beberapa prosedur penting yang mengikut turutan bermula dari kelulusan tajuk kajian sehingga siapnya laporan lengkap tentang hasil kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian ini telah melalui beberapa langkah utama iaitu:

Pertama, ialah mendapatkan kebenaran menjalankan kajian ini melalui Dekan Fakulti Pendidikan dan setelah itu mengemukakan permohonan bertulis kepada Pengerusi Bahagian Akademik Institut Profesional Baitulmal, iaitu Prof. Dr. Hj. Abd. Manaf Said untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian ini secara menyeluruh. Setelah mendapatkan kebenaran dari pihak pentadbiran IPB, penyelidik membuat temujanji dengan bahagian akademiknya untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan dengan kursus-kursus profesional yang ditawarkan, pencapaian pelajar-pelajar serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan tajuk kajian. Bagi memperolehi maklumat khusus tentang permasalahan pelajar, penyelidik menemuramah beberapa orang pensyarah dan kaunselor institut ini bagi mendapatkan gambaran tentang jenis-jenis masalah yang mereka hadapi selama menjalani pengajian di sini. Ketiga, penyelidik membuat perjumpaan dengan pensyarah-pensyarah yang mengajar pelajar-pelajar tahun satu dan membincangkan tentang pencapaian pelajar serta pemerhatian tentang tingkah laku pelajar -pelajar di dalam kelas. Peringkat ini lebih berbentuk temubual tidak formal.

Akhir sekali, penyelidik mengemukakan set soal selidik yang telah disediakan kepada sampel setelah satu temujanji atau perjumpaan dibuat.

Tempat dan waktu ditetapkan dan diberitahu seminggu lebih awal. Selepas mengutip semula kesemua soal-selidik tersebut, penyelidik membuat analisis terperinci tentang jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini dalam rumusan akhir.